



## كمترین حال احوال دالن نخري KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

### PELAKSANAAN PELAN *DE-ESCALATION* FASA KEEMPAT PERKHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN (*DINE-IN*) DI PREMIS- PREMIS MAKANAN BERMULA 27 JULAI 2020

1. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita memaklumkan bahawa berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan mengenai dengan langkah-langkah pelaksanaan pelan *de-escalation*, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melaksanakan pelan ***de-escalation fasa keempat bermula hari Isnin, 27 Julai 2020***, bagi perkhidmatan penyajian makanan (*Dine-In*) di premis-premis makanan.
2. Perkhidmatan penyajian makanan secara *dine-in* bagi premis-premis makanan seperti restoran, kafe, dan *food court* hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

#### BAGI PENGUSAHA PREMIS MAKANAN:

- 2.1 Pengendali atau pengusaha premis makanan dikehendaki untuk mendapatkan kod QR Bruhealth yang khusus bagi premis mereka dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dan dilekatkan di kawasan pintu masuk premis untuk diimbas oleh pelanggan sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis;
- 2.2 Premis makanan boleh beroperasi pada kadar kapasiti seperti biasa;
- 2.3 Penyediaan makanan secara **buffet adalah masih tidak dibenarkan;**
- 2.4 Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan sebelum memasuki premis makanan;

- 2.5 Pemilik premis-premis makanan mestilah memastikan pekerja-pekerja mereka yang mengendalikan dan menyediakan makanan untuk sentiasa memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*);
- 2.6 Pekerja premis makanan yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja;
- 2.7 Memastikan penjarakan fizikal dan sosial termasuk pelaksanaan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Kerajaan seperti:-
  - 2.7.1 Premis makanan tidak dibenarkan untuk menambah kapasiti ruang duduk *dine-in* dari kapasiti biasa (*normal capacity*);
  - 2.7.2 Premis makanan untuk menyediakan ruang atau barisan khas untuk perkhidmatan *takeaway*;
  - 2.7.3 Premis makanan untuk menyediakan *hand sanitiser*;
  - 2.7.4 Premis makanan dikehendaki untuk mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan sanitasi premis.
- 2.8 Mana-mana pengusaha-pengusaha premis makanan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204; dan
- 2.9 Pengusaha-pengusaha premis makanan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

#### **BAGI PELANGGAN PREMIS MAKANAN:**

- 2.10 Para pelanggan hendaklah mempunyai kod yang diperolehi melalui aplikasi Bruhealth sebelum mengunjungi premis makanan yang ingin dituju. Hanya pelanggan yang mempunyai kod warna yang betul iaitu hijau atau kuning akan dibenarkan masuk ke premis;
- 2.11 Orang ramai yang berhasrat untuk *dine-in* digalakkan untuk membuat tempahan tempat duduk terlebih dahulu; dan

2.12 Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis makanan sehingga telah sembuh.

**-TAMAT-**

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

**01 Zulhijah 1441H / 22 Julai 2020M**